

Kerjasama bertujuan pastikan sistem perkhidmatan bermutu, berkesan di universiti

# UMS, Mampu bangunkan PSICT

UM 24.9.2014 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 23 Sept.

- Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini memulakan rangka kerja bagi membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PSICT) 2015-2017 dengan kerjasama perundingan dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, projek tersebut dibangunkan bertujuan memastikan penyampaian sistem perkhidmatan yang bermutu dan berkesan melalui pelaksanaan ICT dapat dilaksanakan di universiti tersebut.

**MOHD. HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS

Projek tersebut dibangunkan bertujuan memastikan penyampaian sistem perkhidmatan yang bermutu dan berkesan melalui pelaksanaan ICT dapat dilaksanakan di universiti tersebut

Menurutnya, daya usaha pembangunan pelan itu merupakan langkah strategik melalui pendekatan secara kerjasama antara UMS dan Mampu

dalam menjadikan ICT sebagai pemangkin ke arah transformasi menjadikan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berinovatif dan lestari.

“Tujuan pembangunan itu anta-



ranya bagi memperjelas hala tuju, pembangunan dan penggunaan ICT di UMS selain menumpukan satu persekitaran kerja dalam organisasi yang bersepada menerusi inisiatif ICT yang terkini.

“Ini juga bagi menyediakan pelan ICT yang menyeluruh, terancang dan teratur di samping mewujudkan sistem pemantauan serta penilaian dalam pengurusan dan penyediaan kemudahan ICT,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat jawatkuasa PICT di Galeri UMS di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pendekatan pembangunan PICT itu berpaksikan Pelan Strategik UMS 2013-2017 dan selari

dengan garis panduan pelan strategik teknologi maklumat (ISP) sektor awam dan sasaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UMS dan Mampu dalam pembangunan PICT di universiti berkenaan.

UMS diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof manakala Mampu diwakili Ketua Perunding Strategis, Dr. Mohamad Zainuddin Mat Taib.

Kedua-dua pihak menandatangani dokumen piagam projek sebagai tanda kerjasama dalam menjayakan PICT UMS yang dijangka siap pada April tahun depan.